

LAMPIRAN

Lampiran 1

SOALAN TEMU BUAL: INSTITUSI ZAKAT

1. Bilakah logo pembayar zakat PPZ-MAIWP atau LZNK diperkenalkan?
2. Kenapakah logo pembayar zakat PPZ-MAIWP atau LZNK diperkenalkan?
3. Kepada siapakah logo pembayar zakat PPZ-MAIWP atau LZNK diberikan?
4. Bagaimanakah pihak PPZ-MAIWP atau LZNK tercetus idea untuk memperkenalkan logo pembayar zakat di Wilayah Persekutuan?
5. Bagaimanakah prosedur pengeluaran logo pembayar zakat di Wilayah Persekutuan atau Kedah?
6. Apakah kesan logo pembayar zakat kepada institusi zakat dan asnaf di Wilayah Persekutuan atau Kedah?
7. Apakah kesan logo pembayar zakat kepada syarikat korporat dan jumlah kutipan zakat perniagaan?
8. Apakah faedah-faedah yang didapati oleh syarikat korporat melalui penggunaan logo pembayar zakat?
9. Sepanjang pengaplikasian logo pembayar zakat kepada syarikat korporat, apakah faedah-faedah yang diperolehi oleh pihak PPZ-MAIWP atau LZNK dalam aspek pengurusan kutipan dan agihan zakat di Wilayah Persekutuan atau Kedah?
10. Adakah terdapat cabaran yang dihadapi pihak PPZ-MAIWP atau LZNK sebelum logo pembayar zakat diperkenalkan di Wilayah Persekutuan atau Kedah?
11. Apakah wujud perbezaan yang ketara antara sebelum dan selepas logo pembayar zakat diperkenalkan di Wilayah Persekutuan atau Kedah?
12. Sekiranya wujud cabaran, bagaimanakah pihak PPZ-MAIWP atau LZNK menghadapi cabaran yang ada sebelum berjaya memperkenalkan logo pembayar zakat?
13. Usaha pihak MAIWP melalui pengenalan logo pembayar zakat turut dilaksanakan oleh LZNK melalui Logo Sahabat Zakat Kedah. Adakah pihak Dato'/Dr/Tuan/Puan bersetuju untuk menggalakkan negeri-negeri selain Kedah dan Wilayah Persekutuan untuk turut menggunakan kaedah yang sama bagi mengoptimumkan kadar kutipan zakat khususnya zakat perniagaan?

14. Sekiranya kesemua institusi zakat di Malaysia memperkenalkan logo sahabat zakat bagi negeri masing-masing, adakah pihak Dato'/Dr/Tuan/Puan bersetuju perkara ini akan mengakibatkan ketidakselarasan logo zakat pada masa akan datang?
15. Adakah terdapat keperluan bagi kesemua institusi zakat di Malaysia menggunakan logo pembayar zakat yang selaras dari segi bentuk dan fungsinya untuk mencapai objektif yang sama iaitu untuk mengoptimumkan kadar kutipan zakat perniagaan bagi setiap negeri?
16. Pada pandangan Dato'/Dr/Tuan/Puan, adakah pemberian logo pembayar zakat kepada syarikat korporat yang membayar zakat perniagaan mampu mencapai objektif *Maqasid Syariah*?
17. Pada pendapat Dato'/Dr/Tuan/Puan, apakah kaitan logo pembayar zakat dalam konteks *Maqasid Syariah* umumnya dan khususnya dari sudut elemen hifzu din dan hifzu mal?
18. Menurut pandangan Dato'/Dr/Tuan/Puan, adakah pemberian logo pembayar zakat kepada syarikat korporat mampu membantu kerajaan dalam meningkatkan kadar ekonomi negara selari dengan gagasan kerajaan iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030?
19. Adakah tujuan logo pembayar zakat diperkenalkan mampu untuk mencapai objektif kedua Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 iaitu untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan rakyat Malaysia?
20. Adakah wujud implikasi atau kesan pengenalan logo pembayar zakat dari sudut undang-undang di Malaysia?
21. Bolehkah pihak Dato'/Dr/Tuan/Puan senaraikan syarikat korporat yang sudah mempunyai logo pembayar zakat di Wilayah Persekutuan atau Kedah?

Lampiran 2

SOALAN TEMU BUAL: PENSYARAH

1. Bagaimanakah gelagat kepatuhan pembayaran zakat perniagaan dalam kalangan peniaga Muslim?
2. Adakah Dr bersetuju bahawa kesedaran pembayaran zakat perniagaan masih berada di tahap yang rendah?
3. Sekiranya kesedaran pembayaran zakat perniagaan masih kurang memuaskan, apakah faktor yang menyebabkan ketidakpatuhan itu berlaku?
4. Adakah kesedaran pembayaran zakat perniagaan akan memberikan kesan kepada jumlah kutipan zakat secara keseluruhannya?
5. Berdasarkan kajian yang dibuat, apakah cabaran yang dihadapi oleh institusi zakat untuk mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan?
6. Apakah langkah atau kaedah yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat korporat?
7. Pihak LZNK dan PPZ-MAIWP telah memperkenalkan logo zakat terhadap syarikat korporat sebagai inisiatif meningkatkan kutipan zakat perniagaan. Adakah Dr. bersetuju dengan pelaksanaan tersebut mampu mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan?
8. Apakah kesan penggunaan logo zakat kepada institusi zakat dan asnaf di Malaysia?
9. Apakah kesan penggunaan logo zakat kepada syarikat korporat dan jumlah kutipan zakat perniagaan?
10. Bagaimanakah logo memberikan kesan kepada kesedaran pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat korporat?
11. Dari sudut ekonomi, bagaimanakah penggunaan logo zakat kepada syarikat korporat mampu meningkatkan ekonomi umat Islam?
12. Apakah faedah-faedah yang didapati oleh syarikat korporat melalui penggunaan logo zakat?
13. Berdasarkan pengaplikasian penggunaan logo zakat kepada syarikat korporat oleh pihak LZNK dan PPZ-MAIWP, apakah faedah-faedah yang diperolehi oleh pihak institusi zakat dalam aspek pengurusan kutipan dan agihan zakat?

14. Usaha pihak LZNK melalui pengenalan logo pembayar zakat turut dilaksanakan oleh PPZ-MAIWP melalui Logo Pembayar Zakat. Adakah Dr bersetuju untuk menggalakkan negeri-negeri selain Kedah dan Wilayah Persekutuan untuk turut menggunakan kaedah yang sama bagi mengoptimumkan kadar kutipan zakat khususnya zakat perniagaan?
15. Sekiranya kesemua institusi zakat di Malaysia memperkenalkan penggunaan logo zakat bagi negeri masing-masing, adakah Dr bersetuju perkara ini akan mengakibatkan ketidakselarasan logo zakat pada masa akan datang?
16. Adakah terdapat keperluan bagi kesemua institusi zakat di Malaysia menggunakan logo zakat yang selaras dari segi bentuk dan fungsinya untuk mencapai objektif yang sama iaitu untuk mengoptimumkan kadar kutipan zakat perniagaan bagi setiap negeri?
17. Pada pandangan Dr, adakah pemberian logo zakat kepada syarikat korporat yang membayar zakat perniagaan mampu mencapai objektif *Maqasid Syariah*?
18. Pada pendapat Dr, apakah kaitan penggunaan logo zakat dalam konteks *Maqasid Syariah* umumnya dan khususnya dari sudut elemen hifzu din dan hifzu mal?
19. Menurut pandangan Dr, adakah pemberian logo zakat kepada syarikat korporat mampu membantu kerajaan dalam meningkatkan kadar ekonomi negara selari dengan gagasan kerajaan iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030?
20. Adakah tujuan penggunaan logo zakat diperkenalkan mampu untuk mencapai objektif kedua Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 iaitu untuk menangani jurang kekayaan dan pendapatan rakyat Malaysia?
21. Adakah terdapat cadangan lain selain penggunaan logo zakat bagi mengoptimumkan kutipan zakat perniagaan?

Lampiran 3

SOALAN TEMU BUAL: SYARIKAT KORPORAT

1. Apakah perbezaan dari sudut keuntungan syarikat sebelum dan selepas penggunaan logo zakat?
2. Bagaimanakah tercetus idea untuk mendapatkan logo zakat?
3. Pada pandangan pihak Tuan, adakah logo zakat mampu mengoptimumkan lagi keuntungan syarikat?
4. Apakah perbezaan dari sudut pembayaran zakat sebelum dan selepas penggunaan logo zakat? Adakah terdapat peningkatan?